



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***KEBERKESANAN PENDEKATAN EURITMIK DALCROZE UNTUK
MENINGKATKAN KOORDINASI MENYANYI DAN BERMAIN KOMPANG
DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH DI PUTRAJAYA, MALAYSIA***

MD JAIS BIN ISMAIL

FEM 2019 24



**KEBERKESANAN PENDEKATAN EURITMIK DALCROZE UNTUK
MENINGKATKAN KOORDINASI MENYANYI DAN BERMAIN KOMPANG
DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH DI PUTRAJAYA, MALAYSIA**

Oleh

MD JAIS BIN ISMAIL

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Julai 2019

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini , termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**KEBERKESANAN PENDEKATAN EURITMIK DALCROZE UNTUK
MENINGKATKAN KOORDINASI MENYANYI DAN BERMAIN KOMPANG
DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH DI PUTRAJAYA, MALAYSIA**

Oleh

MD JAIS BIN ISMAIL

Julai 2019

Pengerusi : Loo Fung Chiat, PhD
Fakulti : Ekologi Manusia

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesan pengajaran pendekatan Euritmik Dalcroze ke atas kemahiran menyanyi sambil bermain alat perkusi kompang dalam kalangan pelajar sekolah. Kelebihan penggunaan pendekatan Euritmik Dalcroze telah dibuktikan dalam pelbagai kajian lepas yang memfokuskan kepada penggunaan fizikal badan dengan elemen muzik tetapi tidak dalam bidang koordinasi nyanyian dan permainan alat muzik. Kemahiran koordinasi ini amat penting dalam pembelajaran muzik termasuk membuat persembahan. Namun demikian, didapati kemahiran yang melibatkan pergerakan permainan alat muzik serentak dengan nyanyian ini sukar dilakukan dengan kaedah pengajaran sedia ada dalam kalangan guru-guru sekolah rendah. Hal ini menyebabkan kekangan dalam pelbagai persembahan muzik yang melibatkan koordinasi muzikal terutamanya menyanyi sambil bermain alat muzik. Ini bukan sahaja menjejaskan kualiti persembahan malah memerlukan masa latihan yang lama walaupun kanak-kanak sudah mempunyai kebolehan menyanyi atau bermain alat muzik. Ini didapati berdasarkan penelitian literatur, pemerhatian, dan pengalaman penyelidik sebagai guru muzik di sekolah rendah. Reka bentuk kuasi-eksperimental digunakan bagi mengumpul data dari dua kelompok murid iaitu 35 orang dalam kumpulan rawatan dan 35 orang kumpulan kawalan yang berumur sembilan tahun di sebuah sekolah rendah Putrajaya. Data ujian pra dan ujian pasca menggunakan analisis nilai min, sisihan piawai, peratus, Ujian T Sampel Berpasangan dan MANOVA satu hala. Instrumen untuk mengumpul data adalah melalui Ujian Amali Muzik dan Inventori MUSIC daripada Jones (2017). Dapatan daripada kumpulan kawalan dan rawatan menunjukkan intervensi kajian memberi kesan yang signifikan terhadap pencapaian murid dalam kemahiran nyanyian, permainan alat perkusi kompang dan koordinasi menyanyi sambil bermain kompang. Dapatan soal selidik pula menunjukkan pendekatan Euritmik Dalcroze mempunyai kekuatan dari aspek pengupayaan, kebolegunaan, dan keprihatinan berbanding pendekatan konvensional. Beberapa cadangan dikemukakan kepada guru-guru dan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu menggalakkan lebih banyak aktiviti euritmik di sekolah rendah, memberikan latihan tentang Euritmik Dalcroze kepada guru dengan

lebih terperinci, dan mengaplikasikan pendekatan Eritmik Dalcroze dengan menggunakan lagu-lagu dan alat-alat muzik tradisional Melayu.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree Doctor of Philosophy

THE EFFECTIVENESS OF DALCROZE EURHYTHMICS APPROACH IN ENHANCING COORDINATION OF SINGING AND PLAYING KOMPANG AMONG STUDENTS IN PUTRAJAYA, MALAYSIA

By

MD JAIS BIN ISMAIL

July 2019

Chairman : Loo Fung Chiat, PhD
Fakulti : Human Ecology

This study aims to investigate the effects of teaching using Dalcroze Eurhythmics approach on the skills of singing while playing *kompang* among school students. A lot of advantages of Dalcroze Eurhythmics approach in various past research, focussing on the use of physical body with music elements, but not on the coordination of singing and playing music instruments. Coordination skill is very important in learning music and performance. However, researcher found that playing musical instrument and singing simultaneously were difficult to perform with the existing teaching methods taught by primary school teachers. This has led to constraints in various musical performances including musical coordination of singing and playing musical instruments. Based on literature review, observations, and researcher's personal experience as a music teacher, the constraint has not only affected the quality of the performance but takes a long duration of training although the children can sing or play music instrument. Therefore, a quasi-experimental design is used to collect data from two groups of children (35 in experiment group and 35 in control group) with the age of nine years old pupils in a Putrajaya primary school. Pre-test and post-test consist of analysis value of the mean, standard deviation, percentage, Paired-sample T-Test and One-way MANOVA. The instruments used to collect data are Music Practical Tests and MUSIC Inventory adopted from Jones (2017). Results show there is a significant difference between the control and intervention group in the singing and *kompang* skills, along with the coordination skills on singing and playing the *kompang* simultaneously. The questionnaire indicates the strength of Dalcroze Eurhythmics approach in terms of empowerment, usefulness, and teacher's concern in comparison with the conventional approach. Several suggestions for teachers and the Ministry of Education such as encouraging more activities using Dalcroze approach in primary schools, exposure of depth approach to teachers, and application of traditional Malay music instruments.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, pelajar panjatkan rasa kesyukuran ke hadrat ilahi kerana berjaya melengkapkan tesis ini. Namun ia bukanlah mudah kerana pelajar telah mengharungi pelbagai cabaran dan dugaan sepanjang menjalankan kajian ini. Antara individu yang telah banyak membantu pelajar ialah penyelia pertama iaitu Professor Madya Dr. Loo Fung Chiat. Beliau sentiasa membantu ketika pelajar memerlukan bantuan dan telah membimbing mengukuhkan penulisan tesis ini. Penyelia kedua dan ketiga iaitu Dr. Ahmad Faudzi Musib dan Professor Madya Dr. Mariani Mansor juga banyak memberikan nasihat dan bimbingan dalam tesis ini.

Pelajar turut menghargai kelulusan dan kebenaran yang telah diberikan oleh ibu bapa responden, warga Kementerian Pendidikan Malaysia serta Jawatankuasa Etika Universiti Untuk Penyelidikan Melibatkan Manusia (JKEUPM) untuk menjalankan kajian ini. Pelajar akui bahawa proses untuk mendapatkan kelulusan ini bukanlah mudah yang memerlukan pelbagai bukti demi menjaga kebajikan dan keselamatan responden. Pelajar turut menghargai kerjasama yang telah diberikan oleh kanak-kanak di sebuah sekolah rendah di Putrajaya yang telah terlibat sebagai subjek kajian rintis dan kajian sebenar.

Selain itu, pelajar ingin meluahkan rasa penghargaan kepada ahli keluarga terutamanya isteri yang sentiasa memberi sokongan dan dorongan untuk terus komited dengan pengajian sehingga semester akhir. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang membantu dan berkongsi maklumat semasa menghadiri kuliah dan bengkel untuk mendalami ilmu penyelidikan. Akhir sekali, pelajar ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung untuk melengkapkan tesis ini dengan jayanya.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyelidikan adalah seperti berikut:

Loo Fung Chiat, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Ahmad Faudzi Bin Musib, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Mariani Mansor, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Md Jais Bin Ismail, (GS45307)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan: _____

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: _____

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: _____

JADUAL KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
PENGESAHAN	v
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvii
BAB	
1 PENGENALAN	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.1.1 Sejarah Kompang	3
1.2 Penyataan Masalah	3
1.3 Persoalan Kajian	5
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Signifikan Kajian	8
1.6 Hipotesis	9
1.7 Kerangka Teoretikal	9
1.8 Kerangka Konseptual	11
1.9 Definisi Istilah dan Operasional	11
1.9.1 Keberkesanan	12
1.9.2 Eurltmik Dalcroze	12
1.9.3 Konvensional	12
1.9.4 Koordinasi	13
1.9.5 Kompang	13
1.9.6 Aktiviti Permainan Kompang	13
1.9.7 Aktiviti Nyanyian	13
1.9.8 Koordinasi Menyanyi Sambil Bermain Kompang	13
1.9.9 Kanak-Kanak	13
1.10 Rumusan	14
2 TINJAUAN LITERATUR	15
2.1 Pendahuluan	15
2.2 Pembelajaran Muzik Kanak-Kanak	15
2.2.1 Aktiviti Nyanyian Kanak-Kanak	19
2.2.2 Permainan Alat Perkusi Kanak-Kanak	20
2.3 Kompang	21
2.3.1 Teknik Permainan Kompang	23
2.3.2 Kriteria Persembahan Kompang	24
2.3.3 Fungsi Kompang	25
2.4 Pendekatan Eurltmik Dalcroze	26
2.4.1 Sejarah Hidup Dalcroze	29
2.4.2 Analisa Kritikal Kajian Dalcroze	31
2.4.3 Pergerakan Berirama (<i>Rhythmic Movement</i>)	32
2.4.4 Pedagogi Eurltmik Dalcroze	34

2.4.5	Pendekatan Euritmik Dalcroze Dengan Kemahiran Koordinasi Muzikal	37
2.5	Koordinasi Kemahiran Muzikal	38
2.5.1	Koordinasi Menyanyi dan Bermain Alat Muzik	39
2.5.2	Kepentingan Koordinasi Menyanyi dan Bermain Alat Muzik	40
2.5.3	Koordinasi Menyanyi dan Bermain Alat Perkusi	41
2.5.4	Koordinasi Menyanyi dan Bermain Kompang	42
2.6	Rumusan	43
3	METODOLOGI	44
3.1	Pendahuluan	44
3.2	Reka Bentuk Kajian	44
3.3	Sampel Kajian	45
3.4	Lokasi Kajian	46
3.5	Teknik Persampelan	46
3.6	Tempoh Masa Kajian	47
3.7	Batasan Kajian	47
3.8	Pematuhan Etika Penyelidikan	48
3.9	Kesahan Kajian Eksperimental	49
3.9.1	Kesahan Dalam	49
3.9.1.1	Kesan Sejarah	50
3.9.1.2	Kesan Kematangan	50
3.9.1.3	Kesan Prosedur Ujian Pra	51
3.9.1.4	Kesan Penilaian	51
3.9.1.5	Kesan Perbezaan Pemilihan Subjek	51
3.9.1.6	Mortaliti Uji Kaji	52
3.9.1.7	Regresi Statistik	52
3.9.1.8	Interaksi Pemilihan Subjek Dengan Faktor Lain	52
3.9.2	Kesahan Luaran	53
3.9.2.1	Kesan Reaksi Ujian	53
3.9.2.2	Kesan Interaksi dari Pemilihan Tidak Adil	53
3.9.2.3	Kesan Reaktif Penyusunan Eksperimen	54
3.9.2.4	Gangguan Rawatan Pelbagai	54
3.10	Prosedur Kajian	54
3.10.1	Prosedur Intervensi Pendekatan Euritmik Dalcroze	58
3.10.2	Kesahan Kandungan Rawatan	65
3.10.3	Ciri-Ciri Pengajaran Konvensional dan Pendekatan Dalcroze	68
3.10.4	Maklumat Tenaga Pengajar	71
3.11	Tatacara Pemerolehan Data	72
3.11.1	Ujian Amali Muzik	73
3.11.2	Soal Selidik Inventori MUSIC	74
3.11.3	Pemerhatian	75
3.12	Kajian Rintis	76
3.13	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	77
3.13.1	Kesahan dan Kebolehpercayaan Ujian Amali Muzik	77
3.13.2	Kesahan dan Kebolehpercayaan Soal Selidik Inventori MUSIC	78
3.13.3	Kesahan dan Kebolehpercayaan Pemerhatian	80

3.14	Tatacara Analisis Data	81
3.14.1	Semakan Pengisian Data	83
3.14.2	Kenormalan Ujian Amali Muzik dan <i>Outliers</i>	83
3.14.3	Kenormalan Instrumen Inventori MUSIC dan <i>Outliers</i>	85
3.15	Rumusan	88
4	ANALISIS DATA	89
4.1	Pendahuluan	89
4.2	Profil Responden	89
4.3	Pengujian Hipotesis 1	90
4.4	Pengujian Hipotesis 2 dan 3	93
4.4.1	Analisis Menggunakan Muzik Berbeza	94
4.5	Pengujian Hipotesis 4	95
4.6	Pengujian Hipotesis 5	98
4.7	Pengujian Hipotesis 6	102
4.8	Analisis Data Pemerhatian	104
4.8.1	Pemerhatian Minggu 2	104
4.8.2	Pemerhatian Minggu 3	105
4.8.3	Pemerhatian Minggu 4	105
4.8.4	Pemerhatian Minggu 5	105
4.8.5	Pemerhatian Minggu 6	106
4.8.6	Pemerhatian Minggu 7	107
4.8.7	Pemerhatian Minggu 8	107
4.8.8	Pemerhatian Minggu 9	108
4.8.9	Pemerhatian Minggu 10	108
4.8.10	Pemerhatian Minggu 11	109
4.9	Rumusan	109
5	PERBINCANGAN	111
5.1	Pendahuluan	111
5.2	Penemuan Baru Kajian	111
5.3	Keberkesanan Pendekatan Euritmik Dalcroze Sebagai Intervensi Kajian	112
5.4	Kekuatan Aktiviti yang Dijalankan Dalam Kumpulan Kawalan dan Rawatan	115
5.5	Perubahan Tingkah Laku Kanak-Kanak	116
5.6	Pencapaian Mengikut Jantina	119
5.7	Kerelавanan Pendekatan Euritmik Dalcroze Mendepani Pengajaran Abad Ke-21	120
5.8	Kekuatan dan Kelemahan Pendekatan Euritmik Dalcroze Dalam Kajian Ini	122
5.9	Rumusan	125
6	PENUTUP	126
6.1	Pendahuluan	126
6.2	Impak Kajian	126
6.3	Cadangan Penambahbaikan Kepada Guru	127
6.4	Cadangan Penambahbaikan Kepada Kementerian Pendidikan Malaysia	129
6.5	Cadangan Kajian Seterusnya	129
6.6	Rumusan Bab	131

6.7 Kesimpulan	132
RUJUKAN	134
LAMPIRAN	147
BIODATA PELAJAR	176
SENARAI PENERBITAN	177



SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Reka Bentuk Kumpulan Kawalan Tidak Setara	45
2	Reka Bentuk Corak Irama	56
3	Kesahan Kandungan Rawatan	65
4	Ciri-Ciri Pendekatan Konvensional dan Pendekatan Dalcroze	68
5	Senarai Pakar Penilai Instrumen	78
6	Nilai Alfa Cronbach Kanak-Kanak Mengikut Gred Kelas	79
7	<i>Pearson Correlation Coeficients</i> Domain Inventori MUSIC	79
8	<i>Fit Indices</i> Mengikut Gred Kelas	80
9	<i>Total-item</i> Kajian Rintis	80
10	Nilai Ujian Kenormalan Bagi Setiap Domain Instrumen	87
11	Profil Responden	89
12	Perbezaan Markah Kanak-Kanak Lelaki dan Perempuan	90
13	Statistik Deskriptif Skor Ujian Pra	91
14	Ujian Box's M Skor Ujian Pra	91
15	Ujian Levene Skor Ujian Pra	92
16	Ujian Multivariat Skor Ujian Pra	92
17	Ujian Kesan Antara Subjek Skor Ujian Pra	92
18	Statistik Sampel Berpasangan Kumpulan Kawalan Lagu	93
19	Statistik Sampel Berpasangan Kumpulan Rawatan Lagu 1	94
20	Statistik Sampel Berpasangan Kumpulan Kawalan Lagu 2	94
21	Statistik Sampel Berpasangan Kumpulan Rawatan Lagu 2	95
22	Statistik Deskriptif Skor Ujian Pasca Lagu 1	96
23	Ujian Box's M Skor Ujian Pasca Lagu 1	96

24	Ujian Levene Skor Ujian Pasca Lagu 1	97
25	Ujian Multivariat Skor Ujian Pasca Lagu 1	97
26	Ujian Kesan Antara Subjek Skor Ujian Pasca Lagu 1	97
27	Statistik Deskriptif Skor Ujian Pasca Lagu 2	98
28	Ujian Box's M Skor Ujian Pasca Lagu 2	99
29	Ujian Levene Skor Ujian Pasca Lagu 2	99
30	Ujian Multivariat Skor Ujian Pasca Lagu 2	99
31	Ujian Kesan Antara Subjek Skor Ujian Pasca Lagu 2	100
32	Statistik Deskriptif Skor Inventori MUSIC	102
33	Ujian Box's M Skor Inventori MUSIC	103
34	Ujian Levene Skor Inventori MUSIC	103
35	Ujian Multivariat Skor Inventori MUSIC	103
36	Ujian Kesan Antara Subjek Skor Inventori MUSIC	104

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Kerangka Teoretikal	10
2	Kerangka Konseptual	11
3	Kompang	22
4	Cara Memegang dan Memalu Kompang	23
5	Skor Lagu ‘Maju dan Sejahtera’	57
6	Skor Lagu ‘Azam Baru’	58
7	Skor Koordinasi Nyanyian Lagu ‘Maju dan Sejahtera’ sambil Bermain Kompang	59
8	Aktiviti Berjalan dan Melompat dalam Formasi Bulatan	60
9	Aktiviti Keretapi	61
10	Skor Koordinasi Nyanyian Lagu ‘Azam Baru’ sambil Bermain Kompang	62
11	Aktiviti Tepukan Dalam Bulatan	63
12	Aktiviti Gerakan Mengikut Corak Irama	64
13	Persembahan Kumpulan	64
14	Carta Corak Irama	77
15	Histogram Skor Ujian Amali	84
16	<i>Normal Probability Plot</i> Skor Ujian Amali	84
17	<i>Boxplot</i> Skor Ujian Amali	85
18	Histogram Skor Inventori MUSIC	86
19	<i>Normal Probability Plot</i> Skor Inventori MUSIC	86
20	<i>Boxplot</i> Skor Inventori MUSIC	87
21	Graf Keberkesanan Rawatan	101
22	Rangkap Korus Lagu 2	107

23	Gabungan Corak Irama	114
24	Komunikasi Dalam Kalangan Kanak-Kanak	117
25	Suasana Kelas Kumpulan Kawalan	118



SENARAI SINGKATAN

Ho	Hipotesis Nol
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
JKEUPM	Jawatankuasa Etika Universiti Untuk Penyelidikan Melibatkan Manusia
TPSM	Skim Takaful Pelajar Sekolah Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
BPPDP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
ABRSM-	<i>Associated Board of The Royal School of Music</i>
MUSIC	<i>Empowerment, Usefulness, Succeed, Interest</i>
CFA	<i>Confirmatory Factor Analysis</i>
CFI	<i>Comparative Fit Index</i>
SRMR	<i>Standardized Root Mean Square Residual</i>
RMSEA -	<i>Root Mean Square Error of Approximation</i>
SPSS	<i>Statistical Package for Social Science</i>
MANOVA	<i>Multivariate Analysis of Variance</i>

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Pendidikan Muzik di Malaysia telah dikenal pasti bermula sejak zaman penjajahan Inggeris lagi iaitu sekitar tahun 1816 (Fadzilah, 2012). Penyebarannya semakin meluas selepas negara mencapai kemerdekaan. Mata pelajaran ini telah diajar secara tidak langsung di sekolah-sekolah kawasan bandar melalui kemudahan siaran radio. Para pelajar juga sudah mula bermain alat-alat perkusi sebagai aktiviti sampingan untuk nyanyian di beberapa buah sekolah Inggeris yang tertentu. Zaharah (2003) menyatakan bahawa sejak tahun 1957, kelas-kelas muzik diadakan di luar bilik darjah, di bawah-bawah pokok, dan berdekatan dengan bangunan. Guru-guru mempunyai kebebasan untuk menentukan alat bantu mengajar dan lagu-lagu sewaktu mengajar mata pelajaran muzik. Ikhsan dan Norila (2005) pula menambah kelas-kelas muzik tersebut berlangsung selama 30 hingga 40 minit seminggu yang kebiasaannya dijalankan pada waktu akhir. Fadzilah (2012) menjelaskan, sekitar tahun 1972 para pelajar boleh memilih subjek Pendidikan Muzik dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP). Rentetan daripada itu, subjek muzik telah diajar secara rasmi di negara kita telah bermula pada waktu tersebut. Walaupun proses ini hanya memfokuskan kepada beberapa buah sekolah bandar sahaja, sukatan untuk pelajaran muzik ini jelas telah mempengaruhi perkembangan Pendidikan Muzik sehingga ke hari ini. Bermula dari waktu tersebut mata pelajaran Pendidikan Muzik telah ditambahbaik dari aspek sukatan pelajaran dan pendekatan-pendekatan pengajaran yang digunakan guru. Muzik didapati amat penting untuk perkembangan kanak-kanak dari segi emosi, kognitif, fizikal dan kreativiti (Rohani, 2007).

Hari ini, Pendidikan Muzik merupakan salah satu mata pelajaran yang wajib diajar di semua sekolah rendah di Malaysia. Melalui kurikulum baru iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), sukatan pelajaran muzik telah digubal dengan memberi tumpuan kepada perkembangan kognitif dan kemahiran kanak-kanak dalam bidang muzik. Kanak-kanak diberi pelbagai peluang untuk meluahkan idea kreatif di samping meningkatkan apresiasi terhadap estetika muzik. Untuk mencapai tujuan ini, kurikulum muzik telah dirangka berfokuskan kepada empat modul kurikulum utama iaitu Pengalaman Muzikal, Penghasilan Muzik, Apresiasi Muzik serta Membaca dan Menulis Notasi Muzik (Dokumen Standard Prestasi Sekolah Rendah, 2013). Manakala guru-guru telah dilatih dengan kaedah dan pendekatan pengajaran muzik seperti Dalcroze, Kodaly, Orff dan Suzuki di institut-institut perguruan Malaysia (Zaharah, 2003). Walaubagaimanapun, ia tidak diajar secara mendalam dan mengambil masa interaksi pembelajaran dalam tempoh satu semester sahaja.

Di sekolah, kanak-kanak banyak didedahkan dengan aktiviti nyanyian, gerakan dan permainan alat muzik (Zaharah, 2003). Murid menyanyikan lagu kanak-kanak dengan iringan muzik daripada alat perakam. Selain itu, kanak-kanak juga diajar bermain alat muzik perkusi iaitu kastanet, kayu tik-tok, loceng dan kerincing. Dalam proses

pembelajaran dua kemahiran tersebut iaitu nyanyian dan permainan alat muzik, kemahiran koordinasi amat penting dalam mengukuh dan memperkaya kemahiran muzikal kanak-kanak. Koordinasi antara nyanyian dan permainan alat secara serentak dapat meningkatkan kekuatan intelek dan sensorimotor kanak-kanak (Peters, 2000). Oleh itu, kajian ini menumpukan kepada aspek koordinasi menyanyi sambil bermain alat muzik dalam kalangan kanak-kanak dengan menggunakan intervensi pendekatan pengajaran muzik iaitu Euritmik Dalcroze.

Penyelidik memilih pendekatan Euritmik Dalcroze sebagai intervensi dalam kajian ini kerana pendekatan ini dikatakan dapat meningkatkan koordinasi individu melalui aktiviti pergerakan. Pergerakan merupakan kunci utama untuk mengajarkan muzik kepada kanak-kanak (Darrow, 2016). Melalui aktiviti pergerakan, kanak-kanak dapat meningkatkan kemahiran sensori dan kinestetik untuk menunjukkan konsep-konsep muzikal seperti frasa, bit, irama dan melodi yang lahir dari dalam diri mereka. Apabila muzik berada dalam diri, maka seseorang kanak-kanak dapat menghasilkan bunyi, bergerak mengikut bunyi, menganalisa bunyi, dan mengecam sesuatu bunyi.

Selain itu, Euritmik Dalcroze merupakan salah satu pendekatan pengajaran yang digunakan dalam bidang pendidikan muzik. Manifold (2008) menyatakan bahawa pendekatan Euritmik Dalcroze amat sesuai digunakan untuk mengajar apa-apa kemahiran muzik terutamanya menyanyi dan bermain alat muzik. Pendekatan ini berteraskan konsep bahawa tubuh badan merupakan asas segala idea muzikal. Euritmik membolehkan seseorang merasai pengalaman muzik secara fizikal sebelum belajar secara teori dan membuat persembahan. Hal ini menjurus ke arah kesedaran fizikal atau kecerdasan kinestetik yang dipercayai merupakan salah satu deria yang paling berkesan dalam pendekatan ini.

Emile Jacques-Dalcroze merupakan pengasas kepada pendekatan Euritmik. Beliau merupakan seorang komposer, pendidik dan pemain piano berbangsa Swiss. Pada awal abad ke-20, beliau mula mengkaji tentang kesan pergerakan tubuh badan terhadap persepsi muzikal serta impak elemen-elemen muzik ke atas teknik pergerakan. Beliau menamakan pendekatan ini sebagai 'Euritmik' yang bermaksud 'irama yang baik'. Tiga komponen utama dalam pendekatan ini diperkenalkan iaitu pergerakan berirama (*rhythmic movement*), solfa (*solfege*) dan improvisasi (*improvisation*) (Oney, 2017; Juntunen, 2016). Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan komponen pergerakan berirama sebagai intervensi.

Komponen pergerakan berirama merupakan suatu konsep pergerakan berirama yang melibatkan keseluruhan anggota tubuh untuk meneroka elemen-elemen muzik. Seseorang itu boleh melangkah untuk merasai irama, menggunakan isyarat tubuh untuk menggambarkan pergerakan yang harmoni, atau bergerak mengikut dinamik dan tempo sesebuah lagu. Pengajaran untuk komponen pergerakan berirama ini memfokuskan hubungan antara masa, ruang dan tenaga. Dalam komponen ini juga mengutarakan idea bahawa tubuh badan dapat menjana memori pergerakan kepada bentuk muzik yang seterusnya akan membawa kepada pengukuhan kemahiran permainan instrumen muzik dan nyanyian vokal.

1.1.1 Sejarah Kompang

Ada pendapat yang mengatakan bahawa kompang pada asalnya dibawa oleh pedagang India Muslim yang datang dari Timur Tengah. Para pedagang telah meluaskan pengaruh kompang ke seluruh kepulauan melayu dan menjadikannya sebagai suatu alat kesenian serumpun (Pravina, Mohd Azam, & YM Raja, 2009). Mengikut Siti Mazni (2007) pula, kompang dipercayai telah muncul di Jawa sekitar abad ke-13 yang dibawa oleh pedagang dari Timur Tengah. Kemudian, ia tersebar ke Tanah Melayu yang digunakan oleh para pedagang sebagai strategi untuk menarik minat orang tempatan membeli barangan yang dijual. Lama-kelamaan, alat muzik ini telah dimainkan oleh orang tempatan dalam majlis-majlis keagamaan. Migrasi masyarakat Jawa ke Tanah Melayu juga menyebabkan kompang terus berkembang dan meluas ke seluruh Tanah Melayu.

Hal ini turut diperkuatkan dengan pernyataan oleh JKKN (2018) iaitu kompang dipercayai berasal dari negara arab yang berkembang di Tanah Melayu sejak zaman Kesultanan Melaka oleh peniaga India Muslim dan pedagang arab sekitar abad ke-13. Amin dan Baharul (2015) juga bersetuju kompang berasal dari negara Arab memandangkan bentuknya yang mirip dengan alat muzik arab iaitu *duffuf*. Tujuan alat tersebut dimainkan adalah untuk menarik perhatian pelanggan membeli barang dagangan mereka. Selain itu, kompang juga dimainkan untuk mengiringi lagu-lagu puisi Islam untuk tujuan penyebaran ajaran Islam ke seluruh kepulauan Melayu.

Ada juga pendapat yang mengatakan kompang wujud di negara ini pada abad ke-14 iaitu semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka. Pedagang India Muslim telah memperkenalkan kompang dengan menjadikannya sebagai alat hiburan dan isyarat kapal mereka berlabuh di perairan Melaka. Para pedagang turut menjadikan kompang sebagai hadiah kepada sultan dan memaklumkan ketibaan mereka ke negeri Melaka. Alat ini kemudiannya diajar dan dimainkan oleh warga istana dan diturunkan kepada rakyat (Erwan, 2011).

1.2 Penyataan Masalah

Para pengkaji dan ahli-ahli muzik telah menyatakan bahawa untuk menyanyi dan bermain alat muzik dengan serentak merupakan satu kemahiran yang sukar dilakukan. Pilc (2012) menjelaskan bahawa bermain alat muzik sambil menyanyi merupakan suatu kemahiran yang dapat meningkatkan sensitiviti seseorang terhadap elemen-elemen muzik seperti melodi dan irama hasil daripada penggunaan anggota badan dan minda. Seseorang itu boleh bermain piano atau gitar sambil menyanyi, namun, aktiviti yang paling asas ialah bermain perkusi sambil menyanyi. Milan (2015) menyatakan koordinasi menyanyi dan bermain alat muzik merupakan suatu kemahiran yang mempunyai taraf tinggi. Ia bukan sahaja dapat memantapkan nyanyian malah kemahiran ini memudahkan seseorang mencipta lagu serta melakukan improvisasi.

Berdasarkan pengamatan dan pemerhatian penyelidik di sebuah sekolah rendah kawasan bandar mendapati kebanyakan kanak-kanak menghadapi masalah dalam kemahiran

koordinasi muzik. Didapati kebanyakan daripada mereka amat sukar untuk mengkoordinasikan kemahiran menyanyi dan bermain alat muzik. Semasa proses pengajaran di dalam kelas, kanak-kanak telah diajar aspek nyanyian dan permainan alat muzik secara berasingan. Walaupun mereka dapat menyanyi dan bermain alat perkusi dengan betul, namun mereka tidak dapat mengkoordinasikan kedua-dua kemahiran tersebut dengan baik.

Didapati kanak-kanak sangat sukar menggabungkan kedua-dua kemahiran tersebut walaupun telah diajar beberapa kali. Ada kanak-kanak yang dapat menyanyi dengan betul tetapi permainan alat perkusi tidak mengikut corak irama yang ditetapkan. Ada pula yang tidak dapat menyanyi lagu dengan pic dan tempo yang betul. Mereka didapati agak kekok melakukan kedua-dua kemahiran tersebut secara serentak. Seringkali terdengar rungutan dan keluhan kanak-kanak kerana tidak boleh menyanyi sambil bermain alat secara serentak.

Berdasarkan Davidson dan Colley (1987) dalam Yu (2014), disokong oleh pemerhatian dan pengalaman penyelidik sebagai guru muzik, didapati bahawa kanak-kanak menghadapi masalah mengkoordinasikan nyanyian dengan permainan irama pada alat muzik dalam kelas secara individu mahupun berkumpulan. Masalah ini bertambah besar apabila kanak-kanak diminta membuat persembahan dan pertandingan muzikal memerlukan mereka menyanyi sambil bermain alat muzik. Latihan perlu dijalankan berulang kali menyebabkan kanak-kanak dan guru tertekan akibat tidak mahir menyanyi sambil bermain alat muzik. Tetapi penyelidik tidak boleh menyalahkan mereka seratus peratus kerana masalah ini mungkin berpunca daripada latar belakang muzikal, persekitaran, pendekatan yang digunakan dan kemudahan muzikal. Berdasarkan pemerhatian awal dan temubual tidak rasmi, didapati guru-guru muzik yang lain juga menghadapi masalah yang sama.

Hasil pemerhatian ke atas kelas-kelas muzik juga telah mendapati keadaan kelas berlangsung dalam suasana yang pasif dan tidak menarik. Kanak-kanak lebih mendengar pengajaran guru tentang cara menyanyi, teori muzik dan penerangan tentang alat muzik. Tetapi kanak-kanak tidak diberi peluang dan masa yang cukup untuk meneroka dan menjalankan aktiviti muzik di dalam kelas. Hal ini selaras dengan pernyataan Sumar dan Razak (2016) bahawa kelas yang pasif berpusatkan guru tidak memberikan peluang pelajar bergerak aktif, hanya mencatat nota dan tidak beriklim kondusif. Oleh itu, penyelidik berpendapat bahawa satu pendekatan pengajaran perlu digunakan yang bukan sahaja dapat meningkatkan kemahiran muzik kanak-kanak malah menyeronokkan, aktif dan menarik.

Terdapat banyak pendekatan pengajaran pendidikan muzik yang boleh digunakan untuk mengatasi masalah koordinasi muzik seperti pendekatan Kodaly, Orff, dan Suzuki. Walaubagaimanapun, semua pendekatan ini tidak memfokuskan kemahiran koordinasi bernyanyi sambil bermain alat muzik kerana masing-masing menumpukan kepada satu aspek kemahiran muzikal sahaja. Kodaly menumpukan kepada aspek kemahiran nyanyian melalui penggunaan isyarat tangan tanpa instrumen muzik manakala Orff menumpukan aspek permainan alat perkusi (Gokturk, 2012). Suzuki pula menumpukan permainan instrumen violin.

Untuk menyelesaikan masalah ini, penyelidik menemui suatu pendekatan yang sesuai digunakan untuk menggabungkan dua aspek kemahiran muzik yang dilakukan pada satu masa dan menyeronokkan kanak-kanak. Menurut Menon (2005), kanak-kanak lebih suka belajar dengan bermain. Antara pendekatan yang sesuai untuk meningkatkan aspek koordinasi dan menarik perhatian kanak-kanak ialah pendekatan pendidikan muzik barat yang lama dipelopori tokoh Emile- Jaques Dalcroze. Pendekatan Euritmik Dalcroze dipercayai dapat membantu kanak-kanak untuk menguasai apa sahaja kemahiran muzik seperti menyanyi dan bermain alat muzik (Manifold, 2008).

Masalah koordinasi dalam kalangan kanak-kanak merupakan sesuatu yang memerlukan pendekatan sesuai memandangkan mereka masih berada dalam peringkat awal pembelajaran. Justeru, penyelidik sangat tertarik untuk menjalankan kajian yang lebih terperinci untuk meningkatkan koordinasi menyanyi dan bermain kompang menggunakan pendekatan Euritmik Dalcroze. Selaras dengan itu, penyelidik turut tertarik untuk mengetahui pencapaian kanak-kanak bermain kompang dan menyanyi melalui pengajaran menggunakan pendekatan Euritmik Dalcroze. Penyelidik merasakan melalui pendekatan Euritmik Dalcroze dapat mengatasi masalah yang sedang dihadapi di samping mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dalam aktiviti yang dijalankan.

1.3 Persoalan Kajian

Dalam kajian ini, beberapa persoalan kajian dinyatakan untuk mencapai objektif yang bertepatan dengan tajuk kajian ini. Lima persoalan kajian telah dikenal pasti iaitu :

- I. Sejauh manakah tahap pencapaian permainan kompang, nyanyian dan kemahiran koordinasi menyanyi sambil bermain kompang dalam kalangan kanak-kanak sebelum intervensi dijalankan?
- II. Adakah pendekatan Euritmik Dalcroze lebih berkesan untuk meningkatkan pencapaian kanak-kanak melakukan kemahiran koordinasi menyanyi sambil bermain kompang?
- III. Adakah terdapat perbezaan pencapaian kanak-kanak melakukan kemahiran permainan kompang, nyanyian, dan koordinasi menyanyi sambil bermain kompang menggunakan pendekatan Euritmik Dalcroze dan konvensional?
- IV. Adakah terdapat perbezaan pencapaian kanak-kanak melakukan kemahiran permainan kompang, nyanyian, dan koordinasi menyanyi sambil bermain kompang menggunakan muzik yang berbeza?
- V. Apakah kekuatan dan kelemahan dalam aktiviti pengajaran menggunakan pendekatan Euritmik Dalcroze dan kaedah konvensional?

Dalam persoalan pertama, penyelidik ingin mengetahui tahap pencapaian sedia ada kanak-kanak melakukan kemahiran bermain kompang, menyanyi dan koordinasi keduanya. Penyelidik ingin mengetahui sama ada kanak-kanak sudah mahir atau tidak melakukan kemahiran ini terutamanya kemahiran koordinasi menyanyi sambil bermain kompang. Sekiranya pencapaian kanak-kanak berada pada tahap yang lemah atau di bawah paras cemerlang, maka intervensi dapat dijalankan untuk mengatasi masalah ini. Ia juga untuk mengenal pasti sama ada terdapat kanak-kanak yang mempunyai kebolehan luar biasa dengan mendapat markah yang ekstrim apabila ujian dijalankan.

Penyelidik juga berhasrat untuk meningkatkan pencapaian kanak-kanak dalam ketiga-tiga kemahiran lebih tinggi daripada pencapaian sedia ada.

Bagi persoalan yang kedua, penyelidik ingin menentukan sama ada pendekatan Euritmik Dalcroze lebih berkesan daripada pendekatan konvensional untuk meningkatkan ketiga-tiga kemahiran muzikal dalam kajian ini. Keputusan pembelajaran kanak-kanak melakukan kemahiran bermain kompang, menyanyi dan koordinasi menyanyi sambil bermain kompang berasaskan dua pendekatan yang berbeza perlu dibandingkan untuk tujuan ini. Sekiranya terdapat peningkatan pencapaian kanak-kanak yang lebih tinggi dalam pendekatan Euritmik Dalcroze maka pendekatan Euritmik Dalcroze boleh dikatakan lebih efektif untuk meningkatkan ketiga-tiga kemahiran yang dikaji.

Dalam persoalan yang ketiga, penyelidik ingin mengetahui perbezaan pencapaian kanak-kanak dalam setiap kemahiran yang dikaji. Penyelidik ingin melihat dengan lebih terperinci perbezaan pencapaian yang disumbangkan oleh kedua-dua pemboleh ubah bebas. Dengan membandingkan pencapaian kanak-kanak dalam dua kumpulan yang menggunakan kedua-dua pendekatan pengajaran berbeza ini, penyelidik dapat menentukan keberkesanan setiap pendekatan terhadap kemahiran yang diuji.

Bagi persoalan yang keempat, penyelidik berhasrat untuk mengetahui sama ada keberkesanan intervensi yang digunakan bersifat kekal (konsisten) atau tidak. Hal ini bermakna, sekiranya kemahiran yang dikaji ini diuji dalam situasi yang berlainan iaitu menggunakan muzik yang berbeza, adakah keputusan yang diperolehi masih dapat membuktikan keberkesanan intervensi? Atau jika dijalankan pada situasi yang berlainan, keputusan pendekatan konvensional lebih menyerlah? Oleh itu, penyelidik merasakan intervensi yang berkesan seharusnya dapat membawa perubahan yang sama apabila dijalankan dalam situasi yang berlainan.

Akhir sekali, penyelidik ingin mengetahui kekuatan dan kelemahan aktiviti yang dijalankan menggunakan pendekatan Euritmik Dalcroze dan pendekatan konvensional. Dengan mengetahui kekuatan dan kelemahan ini, maka penyelidik dapat mengenalpasti kemahiran yang mana perlu diperkaya ditambahbaik dan diperkukuhkan lagi. Penyelidik juga dapat menggunakan jawapan kepada persoalan ini untuk menentukan keberkesanan pendekatan yang dikaji. Sekiranya pendekatan Euritmik Dalcroze lebih banyak kekuatan daripada pendekatan konvensional, maka hal ini dapat menyumbang kepada keberkesanan pendekatan Euritmik Dalcroze.

1.4 Objektif Kajian

Objektif umum untuk kajian ini ialah mengkaji pendekatan pengajaran Euritmik Dalcroze untuk meningkatkan koordinasi kemahiran muzik menyanyi sambil bermain alat perkusi kompang dalam kalangan kanak-kanak.

Terdapat lima objektif khusus untuk kajian ini iaitu:

- I. Mengenal pasti perbezaan tahap pencapaian kemahiran permainan kompang, nyanyian, dan koordinasi menyanyi sambil bermain kompang dalam kalangan kanak-kanak sebelum intervensi dijalankan.
- II. Menentukan pendekatan pengajaran yang lebih berkesan untuk meningkatkan pencapaian permainan alat perkusi, nyanyian dan koordinasi menyanyi sambil bermain kompang dalam kalangan kanak-kanak.
- III. Mengkaji perbezaan pencapaian kanak-kanak melakukan kemahiran permainan kompang, nyanyian, dan koordinasi menyanyi sambil bermain kompang menggunakan pendekatan Euritmik Dalcroze dan konvensional.
- IV. Mengenal pasti perbezaan pencapaian kanak-kanak melakukan kemahiran permainan kompang, nyanyian, dan koordinasi menyanyi sambil bermain kompang menggunakan muzik yang berbeza.
- V. Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan aktiviti pembelajaran menggunakan pendekatan Euritmik Dalcroze dan pendekatan konvensional.

Berdasarkan objektif pertama, penyelidik ingin mengenal pasti tahap pencapaian kanak-kanak sebelum intervensi dijalankan. Penyelidik melakukan ujian ke atas dua kumpulan kanak-kanak untuk mengetahui pencapaian sedia ada mereka. Berdasarkan markah pencapaian yang diperolehi dalam ujian ini, maka penyelidik dapat mengetahui di mana tahap kemahiran kanak-kanak ini sama ada berada pada tahap yang lemah, memuaskan, baik atau cemerlang. Kedua-dua kelompok kanak-kanak ini seharusnya memperoleh pencapaian yang sama kerana belum menerima intervensi lagi. Dengan mendapatkan gambaran awal tentang tahap kemahiran kanak-kanak, penyelidik dapat menentukan keberkesanan intervensi yang dilakukan dengan merujuk semula kepada keputusan ujian awal selepas kajian ini berakhir.

Penyelidik mencapai objektif kedua dengan cara membandingkan keputusan ujian pra dan ujian pasca dalam kumpulan yang belajar menggunakan pendekatan Euritmik Dalcroze dengan kumpulan yang belajar menggunakan pendekatan konvensional. Sekiranya terdapat peningkatan markah yang signifikan antara ujian pra dan ujian pasca, maka pendekatan pengajaran dianggap berkesan. Untuk menentukan pendekatan pengajaran yang lebih berkesan, penyelidik membandingkan jumlah peningkatan markah yang lebih banyak antara dua kumpulan kanak-kanak tersebut. Penyelidik juga menggunakan muzik yang berbeza sebagai sokongan untuk memastikan keberkesanan pendekatan pengajaran konsisten.

Objektif ketiga dicapai dengan membandingkan pencapaian akhir kanak-kanak yang belajar menggunakan pendekatan Euritmik Dalcroze dengan kanak-kanak yang menggunakan pendekatan konvensional. Hal ini bermakna, kanak-kanak telah menerima intervensi sebelum ujian ini dijalankan. Ujian yang dijalankan bersifat identikal iaitu sama dengan ujian pra yang telah dijalankan pada peringkat awal. Lagu yang digunakan juga sama

Selepas itu, penyelidik sekali lagi membandingkan pencapaian akhir kanak-kanak yang sama tetapi kali ini dalam situasi yang berlainan. Situasi yang berlainan dalam konteks kajian ini adalah dengan menggunakan jenis bahan yang berbeza daripada ujian pra. Penyelidik menggunakan muzik yang berbeza daripada muzik yang digunakan semasa ujian di peringkat awal. Hal ini adalah untuk memastikan ketekalan intervensi yang

digunakan sama ada berkesan jika diuji dengan muzik yang berbeza. Walau bagaimanapun, aspek kemahiran yang diuji adalah sama bagi memastikan ujian bersifat identikal.

Akhir sekali, penyelidik mencapai objektif kelima setelah intervensi selesai diberikan. Penyelidik ingin mengetahui kekuatan dan kelemahan kemahiran yang dipelajari berdasarkan pendekatan pengajaran yang digunakan. Dalam hal ini, penyelidik mengagihkan soal selidik yang berkaitan kepada semua kanak-kanak yang terlibat dalam kajian ini. Berdasarkan keputusan yang diperolehi, penyelidik membandingkan pendekatan pengajaran yang mana mempunyai lebih banyak kekuatan daripada kelemahan.

1.5 Signifikan Kajian

Kajian yang dijalankan ini amat penting untuk menentukan pendekatan yang paling sesuai untuk mengatasi masalah koordinasi menyanyi sambil bermain alat muzik dalam kalangan kanak-kanak. Pendekatan Eurythmik Dalcroze digunakan oleh penyelidik sebagai intervensi untuk masalah yang dihadapi ini. Dalcroze menumpukan aspek muzik dengan gerakan yang dikenali sebagai Eurythmik. Berdasarkan kajian yang dijalankan Manifold (2008) mendapati pendekatan Dalcroze sangat sesuai digunakan untuk meningkatkan kemahiran nyanyian (suara) dan permainan instrumen muzik. Berdasarkan prinsip Dalcroze, 'tubuh badan ialah instrumen' membolehkan para pelajar melatih kemahiran kinestetik mereka untuk menterjemahkan muzik dalam pelbagai bentuk dan dengan menggunakan pelbagai alat muzik. Dengan cara ini, dapat membolehkan kanak-kanak mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran dengan mudah dan cepat walaupun tanpa latihan muzik. Melalui penerapan elemen eurythmik, dijangkakan kanak-kanak akan lebih mahir dalam aktiviti muzikal terutama yang melibatkan kedua-dua kemahiran ini. Diharapkan mereka akan lebih seronok dan menikmati kelas Pendidikan Muzik di sekolah, tidak tertekan dan merungut apabila disuruh menyanyi sambil bermain alat muzik. Pendedahan terhadap kemahiran koordinasi muzik mampu meningkatkan kemampuan intelek dan sensorimotor kanak-kanak (Peters, 2000). Hal ini secara tidak langsung dapat menjana kognitif seterusnya melonjakkan pencapaian dan potensi mereka.

Selain itu, kajian ini juga mendatangkan faedah kepada guru dan kanak-kanak. Jika diteliti pada sukatan pelajaran muzik yang telah dirancang, guru-guru memerlukan masa kira-kira 10 minggu untuk mengajar kemahiran nyanyian dan 10 minggu lagi mengajar kemahiran alat perkusi. Tetapi melalui kajian ini, guru-guru hanya memerlukan 10 minggu sahaja untuk mengajar kedua-dua kemahiran ini kerana ia sudah digabungkan. Penilaian juga boleh dibuat berdasarkan instrumen penilaian yang telah dibina oleh penyelidik. Oleh itu, guru-guru mempunyai lebih banyak masa untuk menjalankan aktiviti-aktiviti sekolah dan tidak perlu tergesa-gesa mengejar sukatan. Kanak-kanak juga dapat meluangkan lebih masa dengan mengulang kaji pelajaran atau menyertai aktiviti sekolah. Melalui kajian ini juga, kaedah dan pendekatan Dalcroze boleh dikaji dengan lebih mendalam dan ia boleh digunakan untuk mengatasi masalah koordinasi seperti ini. Kajian ini boleh menjadi salah satu sumber rujukan untuk guru-guru yang menghadapi masalah koordinasi muzik supaya kelas mereka menjadi lebih terkawal dan

menarik. Guru-guru juga boleh menggunakan pendekatan pengajaran muzik sebagai strategi untuk menjadikan persekitaran pembelajaran yang lebih menyeronokkan.

Seterusnya, apabila kanak-kanak sudah boleh menguasai kemahiran koordinasi ini, dijangkakan suasana pembelajaran subjek Pendidikan Muzik di dalam kelas akan menjadi lebih aktif dan menyeronokkan. Proses pengajaran dan pembelajaran yang aktif merangsang setiap kanak-kanak untuk memperkembang potensi yang ada. Hal ini secara tidak langsung dapat menggalakkan pembelajaran berpusatkan kanak-kanak. Mereka lebih banyak meneroka, mencuba dan melakukan aktiviti yang telah dipelajari melalui pembelajaran secara sendiri. Kemahiran muzikal seseorang kanak-kanak juga dapat diperkaya melalui kaedah ini (Manifold, 2008). Jika sebelum ini kanak-kanak hanya boleh menyanyi sahaja, kini mereka boleh melakukan dua kemahiran pada satu masa iaitu menyanyi sambil bermain alat. Hal ini dihasilkan melalui kemahiran koordinasi yang memerlukan kesinambungan antara keupayaan kognitif dan fizikal. Hal ini akan meletakkan seseorang kanak-kanak itu pada suatu tahap yang lebih tinggi berbanding kanak-kanak lain. Bakat muzik mereka dijangkakan dapat berkembang dan sangat berpotensi untuk cemerlang dalam bidang muzik.

1.6 Hipotesis

Hipotesis Nol:

Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor pencapaian ujian pra permainan kompang, nyanyian, dan koordinasi menyanyi sambil bermain kompang antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan.

Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor pencapaian ujian pra dan ujian pasca bagi permainan kompang, nyanyian, dan koordinasi menyanyi sambil bermain kompang dalam kumpulan kawalan.

Ho3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor pencapaian ujian pra dan ujian pasca bagi permainan kompang, nyanyian, dan koordinasi menyanyi sambil bermain kompang dalam kumpulan rawatan.

Ho4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor pencapaian ujian pasca permainan kompang, nyanyian, dan koordinasi menyanyi sambil bermain kompang antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan.

Ho5: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor pencapaian ujian pasca permainan kompang, nyanyian, dan koordinasi menyanyi sambil bermain kompang antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan menggunakan lagu yang berbeza.


Ho6: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor inventori kekuatan aktiviti permainan kompang, nyanyian, dan koordinasi menyanyi sambil bermain kompang antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan.

1.7 Kerangka Teoretikal

Kajian ini menggunakan pendekatan Eurytmik Dalcroze yang pada dasarnya terbentuk daripada tiga komponen iaitu pergerakan berirama (*rhythmic*), solfa dan improvisasi (Amiri, 2016). Penyelidik memfokuskan komponen pergerakan berirama dalam kajian

ini untuk meningkatkan kemahiran koordinasi muzik kanak-kanak. Pergerakan berirama merupakan suatu pergerakan yang melibatkan seluruh anggota badan dengan iringan muzik atau tanpa muzik dimana tubuh badan menjadi alat utama dan emosi manusia sebagai asas utama. Melalui pergerakan badan, sesuatu idea muzik dapat diterjemahkan dan juga pergerakan badan pula ditukarkan kepada sumber muzik (Kementerian, 2010).

Selain itu, pergerakan berirama merujuk penglibatan individu secara menyeluruh yang melibatkan penyatuan minda, anggota badan dan emosi diri secara menyeluruh di mana elemen ruang, tenaga, dan masa saling dikaitkan dalam aktiviti pergerakan berirama (Juntunen, 2016). Melalui pergerakan berirama dapat melatih individu untuk mendengar, merasai, berimajinasi, menginterpretasi bunyi, memberikan tindak balas, respon atau bergerak untuk membayangkan maksud muzik secara luaran. Menurut Wang (2008), keseluruhan proses pembelajaran melibatkan pendengaran, pemahaman, improvisasi dan interpretasi fizikal. Michael dan Madura (2013) juga bersetuju bahawa melalui aktiviti pergerakan berirama dapat meningkatkan kemahiran imaginasi, ekspresi kreatif, koordinasi muzikal, konsentrasi (fokus) dan memperkaya aspek pendengaran. Kemahiran baru yang diuji di bawah teori ini ialah menyanyi sambil bermain alat perkusi kompang yang diletakkan di bawah tema pergerakan berirama dan koordinasi. Berdasarkan hujah ini, maka satu kerangka teoretikal dibina untuk menjelaskan teori yang dijadikan sandaran dalam kajian ini seperti Rajah 1.




Rajah 1: Kerangka Teoretikal

(Sumber: Adaptasi dan pengubahsuaian Juntunen, 2016; Michael & Madura, 2013)

1.8 Kerangka Konseptual

